

21/11/1998

Sokong BN bukti kesetiaan

Naim Tahir

BATU PAHAT, Jumaat - Rakyat boleh menghantar mesej menolak sebarang percubaan campur tangan oleh kuasa asing dalam pentadbiran negara dengan sekali lagi menyokong kerajaan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum akan datang.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata mandat yang diberikan rakyat itu secara langsung menunjukkan kerajaan ditubuhkan secara demokrasi, sekali gus tidak memerlukan sebarang campur tangan luar.

Beliau berkata, rakyat mempunyai kuasa menentukan wakil mereka dalam kerajaan dan campur tangan kuasa asing seolah-olah mencabar dan menidakkan kuasa mereka.

"Justeru, rakyat boleh menghantar mesej menolak campur tangan asing di negara kita dengan menyokong kerajaan BN dalam pilihan raya akan datang," katanya kepada pemberita selepas majlis pemimpin bersama rakyat anjuran Umno bahagian Sri Gading, di Institut Teknologi Tun Hussein Onn, Parit Raja, dekat sini, petang ini.

Najib yang juga Menteri Pendidikan, berkata kuasa asing tidak sepatutnya campur tangan dalam pentadbiran negara kerana pembentukan kerajaan di Malaysia berbeza dengan negara lain berikutan ia dipilih berdasarkan kepercayaan dan mandat yang diberikan rakyat.

Justeru, katanya, kenyataan Naib Presiden Amerika, Al Gore yang secara terbuka menyokong gerakan reformasi menentang kerajaan adalah tindakan biadap serta menjatuhkan maruah rakyat dan imej negara.

"Sebelum ini, Setiausaha Negara itu, Madeline Albright membuat kenyataan berbentuk sama terhadap kerajaan Indonesia dan tidak lama selepas itu, Presiden Suharto terpaksa mengundur diri.

"Bagaimanapun, apabila Gore mengambil tindakan sama terhadap kerajaan Malaysia, perkara itu tidak berlaku, malah rakyat semakin padu memberi sokongan terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

(END)